

Dr M guna provokasi untuk kekal relevan

Zahid tak berniat membalas balik taktik bekas PM

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad dilihat sentiasa menggunakan taktik memainkan sentimen provokasi susulan dakwaan mempromosikan negara berbilang bangsa bertentangan dengan Perlembagaan

an Persekutuan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata tindakan seperti itu dilihat sengaja dibuat Dr Mahathir untuk kekal relevan disebabkan faktor usianya, selain bekas Perdana Menteri itu, mahu sentiasa peka dengan isu semasa.

“Mengenali Dr Mahathir, beliau memang gemar mewujudkan isu provokasi dan saya tidak berniat untuk membalas taktik provokasi itu.

“Beliau sudah memikirkannya (untuk membuat dakwaan itu) dan beliau menggunakan taktik

ini untuk membangkitkan provokasi kepada pihak lain kerana mahu sentiasa peka dalam keadaan umurnya itu... beliau patut meneruskan kehidupan,” katanya kepada pemberita, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), di sini.

Beliau ditanya sama ada Dr Mahathir sengaja mencipta kenyataan bersifat provokasi itu untuk mencuri sentimen dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) tidak

lama lagi.

Kelmarin, Dr Mahathir yang juga bekas Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) itu mendakwa jika DAP menarik diri daripada Kerajaan Perpaduan ketika ini, kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan jatuh.

Dakwa Dr Mahathir, atas dasar itu, Anwar terpaksa menurut manifesto DAP khususnya menjadi Tanah Melayu negara pelbagai kaum dan agama rasmi Islam diganti dengan negara sekular iaitu tidak ada agama rasmi.